

PENANDA WACANA PERNYATAAN SEMULA DALAM WACANA KEAGAMAAN: SATU WACANA LISAN

*NORHAYATI ALIAS**

*Universiti Kebangsaan Malaysia
nasriati@ukm.edu.my*

ALIA HAZWANI BINTI HAMIDON

*Universiti Kebangsaan Malaysia
Aliahazwani.hamidon@gmail.com*

** Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Penanda wacana pernyataan semula (PS) merupakan salah satu penanda wacana yang digunakan untuk menjelaskan sesuatu perkara yang tidak dinyatakan pada bahagian sebelumnya. Proses PS membolehkan pewacana menyampaikan semula sesuatu mesej yang telah disampaikan dengan wajah yang berbeza Portolés Lázaro (1996, 2001). Proses tersebut membolehkan penyampai kembali semula kepada mesej terdahulu dan mengambil semula elemen wacana yang dikehendaki untuk disampaikan dengan cara yang berbeza berdasarkan fungsi dan tujuan tertentu (Martorell: 1996). Melalui proses PS, pewacana kembali semula kepada elemen sebelumnya dan memberikan tafsiran yang baharu kerana mesej yang disampaikan pada segmen yang pertama dirasakan tidak ‘sempurna’ (Norhayati 2021). Kajian ini akan meneliti proses pernyataan semula parafrasa penjelasan (PSP) wacana lisan. Bagi tujuan ini, sebanyak empat forum dari sebuah rancangan berbentuk keagamaan yang popular, iaitu Forum Perdana Ehwat Islam yang disiarkan di TV1, RTM (Radio Televisyen Malaysia) telah dianalisis. Perbincangan dan analisis akan dilakukan berdasarkan teori pengelasan penanda wacana yang dilakukan oleh Martín Zorraquino dan Portolés Lázaro (1999). Bagi menjelaskan fungsi dan peranan penanda wacana PS pula, kajian ini menggunakan kajian dan penyelidikan oleh tokoh-tokoh terdahulu dalam bidang PS, iaitu Casado Velarde (1991), Figueras (1999) dan Garcés Gómez (2008) sebagai panduan. Manakala, Teori Relevan (TR) yang dikemukakan oleh Sperber dan Wilson (1986, 1995, dan 2004) pula akan digunakan bagi menjelaskan makna yang dihasilkan dalam proses PS, yakni dari segi semantik dan pragmatik.

Kata kunci: Penanda wacana; pernyataan semula parafrasa; relevan; wacana keagamaan; wacana lisan

REFORMULATION MARKERS IN RELIGIOUS DISCOURSE: AN ORAL DISCOURSE

ABSTRACT

Reformulation marker (PS) is one of the discourse markers used to explain something that was not stated in the previous section. The PS process allows the speaker to re-deliver a message that has been delivered with a different form, Portolés Lázaro (1996, 2001). The process allows the presenter to go back to the previous message and retrieve the desired discourse elements to be delivered in a different way based on specific functions and purposes (Martorell, 1996). Through the PS process, the speaker returns to the previous element and gives a new interpretation because the message delivered in the first segment does not seem to be 'perfect' (Norhayati, 2021). This study will examine the process of paraphrastic reformulation (PSP) of oral discourse. For this purpose, four forums from a popular religious program, namely the Forum Perdana Ehwat Islam, broadcast on TV1, RTM (Radio Television Malaysia) have been analyzed. The discussion and analysis will be based on the theory of discourse marker classification done by Martín Zorraquino and Portolés Lázaro (1999). In order to explain the function and role of PS discourse markers, this study uses studies and research by previous scholars in the field of PS, namely Casado Velarde (1991), Figueras (1999) and Garcés Gómez (2008) as a guide. Meanwhile, the Theory of Relevance (TR) presented by Sperber and Wilson (1986, 1995, and 2004) will be used to explain the meaning produced in the PS process, in terms of semantics and pragmatics.

Keywords: Discourse markers; oral discourse; paraphrastic reformulation; relevance; religious discourse

PENGENALAN

Kajian tentang proses pernyataan semula dikatakan bermula di Eropah dan menjadi sangat penting dalam lapangan linguistik benua tersebut sekitar tahun 80-an. Antos (1982), Gülich dan Kotschi (1983), Roulet (1985, 1986 dan 1987) dan Corinne Rossari (1990, 1994 dan 1997) adalah merupakan antara tokoh-tokoh yang telah memberikan sumbangan yang terpenting dalam bidang ini. Fernández Bernárdez (2000) menyatakan bahawa selepas penerbitan artikel oleh Gülich dan Kotschi (1983) kajian dan penulisan mengenai PS mula mendapat perhatian pengkaji wacana di serata tempat, terutamanya di benua Eropah dan negara-negara lain. Istilah 'pernyataan semula' (reformulation) berasal daripada kajian yang dijalankan oleh Gülich dan Kotschi (1983, 1995) terhadap bahasa lisan. Antos berpendapat (1982) PS terjadi apabila penutur tidak 'berpuas hati' dengan mesej yang disampaikan atau diterima. Sehubungan ini, mesej yang disampaikan dirasakan tidak 'mencukupi' atau 'tidak sempurna'. Bagi 'menyempurnakan' mesej, penutur kembali semula kepada mesej tersebut dan menyampaikannya semula dengan cara yang berbeza, iaitu melalui proses pernyataan semula (reformulation) (Garcés Gómez, 2008).

Proses Pernyataan Semula Dalam Wacana

Portolés Lázaro (1999; 2001) menjelaskan fungsi sebenar pernyataan semula (reformulation) dalam penghasilan wacana. Menurut Portolés, melalui proses PS, penutur perlu menjelaskan apa yang telah diperkatakan sebelumnya, yakni dengan 'dibantu' oleh penanda PS. Menurut beliau lagi, PS ditentukan oleh keadaan berikut: a) unsur yang dinyatakan semula, iaitu: unsur yang memerlukan rumusan baru; b) segmen yang menyatakan semula, tempat terjadinya kesinambungan wacana dan c) penanda wacana yang memperkenalkan segmen PS dan segmen yang menjalani PS. Proses PS turut dianggap sebagai salah satu strategi komunikasi yang penting dalam pembinaan sesebuah wacana, dan merupakan 'alat' yang menyelesaikan masalah yang dihadapi penutur ketika timbulnya 'masalah' atau 'ketidaksempurnaan' dalam komunikasi yang

berlangsung (Gülich dan Kotcschi 1983, 1995). Ketidaksempurnaan yang ditemui dalam mesej terdahulu, yakni dalam segmen pertama, akan dinyatakan semula sama ada dalam bentuk spesifikasi, penjelasan semula, membuat pembetulan atau mengubah aspek tertentu pada segmen yang baharu, iaitu segmen kedua (Gülich dan Kotcschi, 1983). Ia menunjukkan kemampuan seseorang peserta komunikasi wacana itu, sama ada lisan atau bukan lisan, memilih formula linguistik yang dirasakan paling sesuai untuk digunakan bagi menjelaskan maksud yang ingin disampaikan (Garcés Gómez, 2008).

Strategi PS merangkumi tugas atau prosedur yang berbeza dan mempengaruhi pelbagai jenis proses pembinaan wacana, antara lainnya termasuklah memilih kata-kata yang tepat. Sehubungan dengan itu, Martorell (1996) merujuk proses PS 'reformulation' sebagai proses interpretasi semula teks, iaitu apabila seseorang penutur itu mengambil semula suatu elemen daripada wacana yang sebelumnya dan mempersembahkannya dalam cara yang berbeza. Justeru, proses PS melibatkan usaha yang dilakukan oleh penutur untuk mencapai hasil komunikasi yang optimum (Fernández Bernárdez, 2000: 265). Dari aspek Teori Relevan (TR), Blakemore (1987) menyatakan bahawa proses pernyataan semula dipilih apabila penutur merasakan formulasi asal mesej yang disampaikan tidak cukup relevan, dan harus diformulasikan semula agar menjadi relevan secara optimum. Proses ini boleh dilakukan sama ada oleh penutur auto-reformulation atau pendengar hetero-reformulation. Berdasarkan kajian dan penyelidikan yang telah dibincangkan, dapatlah disimpulkan bahawa PS merupakan proses menyampaikan semula mesej yang dirasakan tidak sempurna ke dalam wajah dan bentuk yang baharu (Norhayati, 2021).

Pernyataan Semula Parafrasa

Perhubungan proses pernyataan semula parafrasa (PSP) dilihat berdasarkan kesamaan semantik yang diwujudkan oleh dua segmen yang berhubungan dalam wacana. Hal ini merupakan "pengulangan" tentang apa-apa yang terkandung dalam pernyataan terdahulu (Pons Bordería, 2001: 224). Proses penting yang menandakan hubungan parafrasa ialah pengulangan rujukan yang terdapat dalam segmen pertama ke dalam segmen yang kedua. Dengan ini, maklumat asal, yang terdapat pada segmen pertama, dan maklumat 'duplikasi' yang terdapat pada segmen kedua mengekalkan perhubungan semantiknya berdasarkan darjah perbezaan tertentu (Gülich dan Kotschi, 1983: 325), yakni dengan mengekalkan perspektif yang masih sama (Gülich dan Kotschi 1995: 308) menganggap jenis pernyataan semula ini sebagai 'duplikasi wacana'. Tahap identifikasi yang dihasilkan dalam pernyataan semula jenis parafrasa bergantung pada tahap kesamaan semantik antara kedua-dua segmen wacana yang terlibat serta perbezaan semantik yang ditunjukkan antara kedua-dua segmen, terutamanya ketika hubungan semantik antara dua segmen yang terlibat kelihatan tidak jelas (Garcés Gómez, 2008: 71). Semakin banyak kesamaan diwujudkan antara kedua-dua segmen yang berhubung, semakin tinggi nilai PSP yang ada. Begitulah sebaliknya, semakin besar perbezaan makna antara kedua-dua segmen, semakin rendah tahap perhubungan parafrasa yang terjadi.

Gülich dan Kotschi (1983) membezakan tiga jenis perhubungan yang diwujudkan oleh PSP, iaitu: pengembangan, pengurangan dan variasi. Proses PSP dianggap sebagai 'pengembangan' apabila segmen yang diubah suai (dinyatakan semula) mempunyai ciri-ciri semantik yang lebih tinggi berbanding dengan kenyataan sumbernya (sebagai contoh: *Madrid es la capital de España, es decir, es la ciudad más importante y la sede del Gobierno de dicho Estado* 'Madrid ialah ibu negara Sepanyol, iaitu bandar yang paling penting dan merupakan pusat pentadbiran kerajaan negeri itu'). Sebaliknya, PSP jenis 'pengurangan' mempunyai ciri-ciri sebaliknya; ciri semantik maklumat sumber dipendekkan atau diringkaskan (contohnya: *Madrid es la ciudad más importante de España y la sede del Gobierno de dicho Estado, es decir, es su capital* 'Madrid ialah bandar paling penting di Sepanyol dan merupakan pusat pentadbiran kerajaan negeri tersebut, iaitu ibu negerinya).

Berdasarkan contoh dan definisi yang telah dibincangkan, dapatlah disimpulkan bahawa faktor yang dikira dalam proses PSP ialah kesamaan semantik antara kedua-dua segmen diskursif yang terlibat, iaitu sama ada mereka saling menyerupai atau saling menunjukkan perbezaan.

METODOLOGI

Melalui kaedah analisis kualitatif, artikel ini melakukan analisis terhadap empat forum keagamaan dari rancangan televisyen yang berjudul Forum Perdana Ehwat Islam. Durasi bagi setiap forum tersebut adalah selama 1 jam setengah. Bagi tujuan ini, ujaran yang diujarkan oleh penceramah program akan dicatat. Analisis dilakukan secara berasingan, iaitu berdasarkan tajuk forum. Kemudian, penulis menanda penanda wacana PSP yang ditemui dalam forum yang dikaji, yakni berdasarkan klasifikasi yang telah ditetapkan oleh objektif kajian, iaitu mengikut fungsi dan peranan yang dijalankan oleh penanda wacana pernyataan semula, sepertimana yang dilakukan dalam kajian Casado Velarde (1991), Figueras (1999) dan Garcés Gómez (2008). Sehubungan ini Casado Velarde (1991), Figueras (1999) dan Garcés Gomez (2008) telah melakukan analisis menggunakan kaedah analisis wacana linguistik untuk mengenal pasti peranan dan fungsi utama penanda wacana pernyataan semula. Mereka membahagikan fungsi penanda pernyataan semula berdasarkan dua jenis iaitu, berdasarkan maksud yang bersifat implisit dan maksud yang bersifat eksplisit. Manakala Teori Relevan (TR) yang dikemukakan oleh Sperber dan Wilson (1986, 1995, dan 2004) digunakan bagi mengukur kerelevanan penanda wacana pernyataan semula parafrasa dalam menghasilkan makna wacana.

Pengelasan penanda wacana yang dilakukan oleh Martín Zorraquino dan Portolés Lázaro (1999) digunakan sebagai asas klasifikasi bagi menentukan kategori penanda wacana pernyataan semula yang dipilih. Dalam klasifikasi penanda wacana yang dilakukan, mereka membahagikan penanda wacana PS kepada empat jenis:

- (a) Penanda wacana penjelasan, yang memperkenalkan penjelasan elemen wacana yang didapati daripada segmen yang pertama ke dalam segmen yang kedua.
- (b) Penanda wacana pernyataan semula 'pembetulan', yang berfungsi mengemukakan/menyampaikan pembetulan elemen wacana daripada segmen pertama.
- (c) Penanda wacana pernyataan semula 'penjarakan', yang menunjukkan penjarakan dari pelbagai peringkat, antara dua segmen yang dihubungkan, dengan mengekalkan makna yang sedia ada dalam segmen yang pertama, atau mengubahnya dengan perspektif yang baru.
- (d) Penanda wacana 'rekapitulasi', yang mengemukakan kesimpulan daripada elemen makna dalam segmen pertama yang mengalami proses pernyataan semula.

Klasifikasi dan pengelasan ini (penanda wacana penjelasan) diadaptasikan ke dalam bahasa Melayu berdasarkan pengelasan dan deskripsi yang dilakukan oleh Asmah Haji Omar (1987; 2000).

Teori Relevan

Teori Relevan (TR) yang diasaskan oleh Sperber and Wilson (1986) merupakan teori yang berasaskan aspek psikologi yang meneliti penglibatan unsur kognitif dalam komunikasi manusia. Andaian asas yang mendasari TR ialah kognisi manusia adalah berorientasikan kerelevanan (Blakemore, 1996). Pendengar akan menerima maklumat dengan beranggapan bahawa maklumat tersebut penting dan berbaloi, atau dengan erti kata lain, usaha yang diperlukan untuk memproses maklumat tersebut akan memberi penambahbaikan kepada keseluruhan gambaran mengenai dunia

yang mereka miliki atau seperti yang dinyatakan oleh Sperber & Wilson (1986), usaha pemprosesan mereka akan disokong oleh kesan kognitif. Kesan kognitif tersebut bukan sahaja andaian baharu yang diperolehi melalui penggabungan maklumat baharu dengan andaian kontekstual, malah boleh turut terdiri dari peningkatan andaian yang sedia ada atau pun penghapusan andaian sedia ada (Blakemore, 1996).

Antara strategi penutur ialah menggabungkan pengetahuan ensiklopedia yang dimiliki dengan maklumat konseptual yang diterima. Berdasarkan usaha kognitif dalam proses mencari maklumat dalam teori Relevan ini, penutur dikatakan hanya akan memberikan tindak balas sekiranya rangsangan atau isyarat yang diterima mencapai tahap relevan yang optimum. Suatu input dikatakan menjadi relevan kepada pendengar hanya apabila ia dapat dikaitkan dengan latar belakang yang tersedia, lalu 'menghantar' makna yang diinginkan kepada pendengar untuk dijadikan kesimpulan. Kesimpulan makna yang dapat dihasilkan oleh pendengar ini merupakan titik tolak kepada penentuan kesan kognitif yang positif. Hal ini disyaratkan oleh kesan kontekstual. Selain itu, tahap relevan turut ditentukan oleh usaha yang perlu dilakukan oleh pendengar ketika memproses maklumat (Sperber dan Wilson, 2004). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa ciri relevan itu terbina dalam prinsip kognitif yang akan membawa kepada penyampaian makna yang optimum (Sperber dan Wilson, 1995). Dalam komunikasi, penutur cenderung untuk menginterpretasikan maklumat yang relevan. Sepertimana yang menjadi asas dalam teori Sperber dan Wilson, TR ialah bagaimana konteks yang sesuai dipilih dan disesuaikan dengan maklumat yang ada.

Menurut Blakemore (1987) penanda wacana menyumbang kepada dasarnya dalam proses pentafsiran makna. Berdasarkan perspektif teori ini, kata penghubung dianggap sebagai petunjuk yang digunakan oleh penyampai untuk membimbing proses penafsiran makna penerima mesej. Bagi tujuan ini, penutur akan memanfaatkan elemen-elemen linguistik yang ada bagi meminimumkan proses penghasilan dan memaksimumkan daya relevan dalam komunikasi yang berlangsung. Penanda wacana merupakan salah satu daripada elemen tersebut (Figueras, 1999). Murillo (2004) berpandangan bahawa, dari aspek TR, penanda wacana PS berperanan dalam memproses makna, samada dari segi eksplikatur serta implikatur, yakni dengan menjelaskan andaian yang berbentuk implikasi dan kesimpulan. Tambah beliau lagi, penanda PS membantu, pada tahap yang berbeza-beza, dalam proses inferens dengan menjelaskan elemen rujukan, ketaksaan atau kekaburan, pengayaan lanjut dan sebagainya. Selain itu, PS turut membekalkan penjelasan lanjut, yang seterusnya membawa kesan kontekstual yang dimaksudkan, dan dengan menjelaskan premis dan kesimpulan yang terlibat. Dapatlah disimpulkan bahawa, secara umumnya, PS membantu dalam pelbagai proses inferensi yang terlibat dalam tafsiran sesuatu ujaran.

Jelaslah, dalam prinsip TR, untuk membolehkan komunikasi diproses oleh pendengar, penutur hendaklah memberikan maklumat yang paling relevan sahaja. Jelasnya, TR ialah teori pragmatik-semantik yang menunjukkan hubungan antara komunikasi dengan kognisi, iaitu ciri-ciri proses mental yang dibentuk semasa proses interpretasi ayat. Figueras (1999) menjelaskan hubungan TR dengan proses PS, antara fungsi penanda wacana PS ialah melakukan pengekodan makna linguistik, iaitu melakukan interpretasi makna sebenar yang terdapat dalam sesuatu ayat melalui pengayaan atau pembekalan maklumat yang mencukupi.

Fungsi Pernyataan Semula

Seperti yang telah dinyatakan sebelumnya, makalah ini mengkaji proses pernyataan semula yang dihasilkan oleh penanda pernyataan semula parafrasa (PSP). Fungsi utama penanda wacana

pernyataan semula parafrasa ialah menunjukkan perhubungan yang berasaskan pada kesamaan wacana antara dua segmen yang dihubungkan (Garcés Gómez, 2006). Kesamaan yang ditunjukkan dalam PSP adalah ‘berperingkat’, iaitu dari tahap yang paling tinggi hingga tahap yang paling rendah (Gülich y Kotschi, 1983). Berdasarkan fungsi yang ditunjukkan, berbagai-bagai istilah juga diberikan oleh pengkaji terdahulu terhadap penanda PSP, misalnya sebagai ‘Penjelas’ (Moliner, 1966), ‘Penanda ‘Persamaan’ (Fuentes Rodríguez, 1987) dan sebagai ‘penghubung tambahan’ (Mederos Martín, 1988). Manakala Casado Velarde (1991) merumuskan fungsi penanda wacana PSP sebagai ‘penjelasan’. Sehubungan dengan itu, beliau membahagikan fungsi penanda wacana PSP kepada dua jenis, iaitu pernyataan semula apa-apa yang telah disebutkan sebelumnya, yakni yang menjalankan fungsi seperti penjelasan dan pembetulan, serta penjelasan apa-apa yang belum disebut (yang menjalankan fungsi-fungsi seperti menjelaskan makna kandungan proposisi dan inferensi), dan juga penjelasan implikasi.

Sepertimana Casado Velarde (1991), Figueras (1999) turut membahagikan fungsi penanda PSP kepada dua jenis yang utama, iaitu menjelaskan maksud yang tersurat (menjelaskan makna pada peringkat permukaan), dan menjelaskan maksud tersirat atau tidak terus (yang melibatkan implikasi dan kesimpulan). Selain itu, Garcés Gómez (2008) turut mengelaskan fungsi penanda PSP itu kepada dua jenis, iaitu yang membekalkan makna pada peringkat permukaan, yakni yang tidak melibatkan proses inferensi atau pertukaran perspektif, dan proses yang melibatkan proses inferensi makna, yakni yang melibatkan tafsiran semula makna berdasarkan kesimpulan dan implikasi. Beliau membahagikan fungsi penanda wacana PS itu kepada beberapa jenis: Penyertaan rujukan, penjelasan makna atau makna konteks, peluasan makna (definisi), pengukuhan dan pengurangan makna (pengecilan makna), kesimpulan, perincian maksud, dan perhubungan komponen. Jelasnya, menurut mereka, fungsi PSP itu ialah memberikan penjelasan makna, sama ada terhadap elemen yang dinyatakan secara jelas, yakni melalui padanan makna yang setara antara dua segmen yang dihubungkan, dan makna yang dinyatakan secara implisit.

ANALISIS DATA

Analisis data akan dipecahkan kepada empat bahagian, iaitu berdasarkan fórum-forum yang telah dianalisis. Seperti yang dimaklumkan sebelumnya, perbincangan dilakukan terhadap fungsi dan makna yang dijalankan oleh penanda wacana PS, iaitu dari segi semantik dan pragmatik.

Forum 1: Vaksin: Cegah Sebelum Kalah.

Data menunjukkan terdapat empat jenis PSP telah ditemui dalam forum yang dikaji; *iaitu*, *maksudnya*, *maknanya* dan *yakni*. Penanda PSP *iaitu* adalah paling kerap ditemui, dengan kekerapan sebanyak lapan ujaran, diikuti oleh *maksudnya* dalam lima ujaran, *maknanya* dengan kekerapan sebanyak tiga ujaran, dan *yakni* sebanyak satu ujaran sahaja sahaja.

PS Iaitu

Seperti yang telah dinyatakan sebelumnya, penanda wacana *iaitu* ditemui dalam lapan ujaran. Fungsi utama penanda wacana PS ialah menjelaskan semula maksud ujaran yang terkandung dalam segmen pertama ujaran. Dalam hal ini, penanda wacana PS menjadi alat kepada proses PS, iaitu dengan memperkenalkan segmen yang kedua. Dapatan menunjukkan bahawa PS *iaitu* telah menjalankan fungsi-fungsi berikut: perincian maksud elemen per nomboran, perincian maksud

kata nama, perincian maksud frasa nama, frasa adjektif nama, frasa nama, kata nama, serta penjelasan kata nama/istilah asing.

- (1) “Sebenarnya, apabila dalam konsep kita merawat dia ada dua cabang yang utama *iaitu* yang pertama sekali mencegah dan yang kedua adalah merawat”
- (2) “Disini kita memerlukan tanggungjawab kepada semua *iaitu* tanggungjawab bagi setiap individu dan kerajaan”
- (3) “Dalam konteks ini, kita cuba melihat hurai ulamak yang sangat muktabar dalam bidang fikh *iaitu*lah Al imam al khutubi.”
- (4) “Kalau ada bahan-bahan yang boleh mendatangkan mudarat *iaitu* bahan-bahan kimia yang boleh datangkan mudarat”
- (5) “Kita pergi kepada persoalan itu *iaitu* dimana kesemuanya dijadikan satu, satu teori konspirasi satu andaian dan sebagainya”

Data (1) diatas menunjukkan penggunaan penanda wacana PS sebagai penjelas kepada maklumat yang terkandung dalam segmen pertama yang dinyatakan dalam bentuk per nomboran. Disini, penyampai telah memperincikan maklumat yang dinyatakan dalam elemen per nomboran itu, iaitu *dua cabang yang utama* Dalam data (2), penyampai memperincikan frasa *tanggungjawab kepada semua* yang kurang jelas maksudnya disegmen pertama. Kata *semua* adalah umum. Sehubungan itu, penyampai menjelaskan maksudnya dalam segmen yang kedua, dengan memperincikan maksud *umum* tersebut. Dalam ujaran (3), penanda wacana PS melakukan pengenalpastian terhadap identifikasi terhadap maklumat yang dirujuk pada segmen pertama, iaitu identiti ulama. Manakala dalam ujaran (4) pula, PS *iaitu* memperincikan maksud *bahan-bahan yang boleh mendatangkan mudarat* yang dinyatakan secara umum pada bahagian sebelumnya. Bagi memastikan ujaran yang disampaikan relevan, dan mempunyai kesan kontekstual yang mencukupi, penyampai telah memperincikan secara spesifik maklumat mengenai *bahan-bahan* tersebut pada segmen yang kedua. Begitu juga dalam ujaran (5) penyampai menjelaskan maksud *persoalan itu* yang tidak dijelaskan pada segmen pertama. Manakala dalam ujaran (6) pula, proses PS yang terjadi ialah proses menjelaskan makna yang disampaikan dalam istilah asing, iaitu perkataan *tabayyun* dan *tasabbut* dari bahasa Arab.

- (6) “*Islam mengajar kita supaya tabayyun dan tasabbut *iaitu* kita selidik dan kita pastikan berita yang sampai kepada kita*”

Dari aspek teori relevan, PS yang ditemui dalam kesemua ujaran yang telah dibincangkan adalah relevan kerana penyampai telah berjaya membekalkan kesan konseptual yang efektif dan mencukupi kepada pendengar. Hal ini bertepatan dengan kandungan prinsip TR, iaitu setiap maklumat yang disampaikan hendaklah mencukupi, yakni mempunyai kesan konteks yang optimum dan bersesuaian untuk diproses oleh penerima. Menurut Blakemore (1996), seseorang penutur boleh menggunakan bentuk linguistik yang sesuai dalam ujaran yang disampaikan bagi

memudahkan proses tafsiran. Dengan cara ini, penutur boleh mengurangkan jumlah tafsiran dan interpretasi yang tidak diperlukan dalam ujaran mereka, melalui alat linguistik yang tersedia, samada melalui pemilihan leksikal, sintaktik, atau intonasi. Dalam hal ini, proses PS merupakan strategi yang telah dipilih oleh penutur.

PS Maksudnya

Fungsi utama yang ditunjukkan oleh penanda wacana PS ialah menjelaskan makna yang dinyatakan dalam segmen pertama dalam bentuk kesimpulan. Proses ini dianggap sebagai proses yang melibatkan inferensi kerana makna yang disampaikan bersifat tersirat, yakni ujaran yang dijelaskan dalam segmen kedua merupakan konsekuensi kepada apa yang dinyatakan dalam segmen sebelumnya.

Dalam ujaran (7) dibawah, penyampai melakukan penceritaan untuk menunjukkan kesediaan Nabi Muhammad SWT menerima pandangan dan nasihat dari ahli perubatan pada ketika itu:

- (7) *“Nabi tu sakit pada akhir hayatnya wufuhdu arab perwakilan-perwakilan arab yang datang mengajar bahan-bahan perubatan dan aku orang yang membancuhnya maksudnya Nabi ni menerima perubatan yang dicadangkan oleh ahli perubatan”*

Ps Maksudnya

Sepertimana penanda wacana PS *maksudnya*, penanda wacana PS *maksudnya* turut menunjukkan fungsi yang sama iaitu menjelaskan makna yang terkandung dalam segmen pertama dalam bentuk kesimpulan ke dalam segmen yang kedua. Lihat contoh berikut:

- (8) *“Orang yang sembuh tu tak semestinya 100 peratus sembuh ye. Alhamdulillah setengah tu boleh sihat seperti sedia kala tapi kita dapati yang sembuh daripada penyakit COVID-19 ini ada kesan sampingan dan kesan jangka panjang yang berterusan, maksudnya selepas mereka keluar daripada hospital mereka masih lagi perlu untuk mendapatkan rawatan”*
- (9) *“Paras antibodi mereka ini menurun selepas beberapa minggu dan kadang2 lebih kurang daripada 2 bulan 3 bulan kalau kita periksa tubuh badan mereka paras antibodi mereka sudah menurun. Jadi maksudnya walaupun kita sembuh dalam negara kita 263,761 sudah sembuh ya, hari ini 3,752 sudah sembuh tapi jika kita lihat kita pantau kita periksa mereka dalam masa 2 bulan 3 bulan kita akan dapati paras antibodi mereka telah rendah. Ini maksudnya masih lagi berpeluang untuk dijangkiti pada kali kedua”*

Dalam kedua-dua ujaran (8) dan (9), mesej yang dijelaskan dalam segmen kedua merupakan kesimpulan kepada mesej yang terkandung dalam ayat pertama. Seperti yang berlaku pada penanda wacana PS *maksudnya*, kesimpulan yang didapati dalam segmen kedua merupakan konsekuensi makna yang didapati dalam segmen pertama.

PS Yakni

Fungsi PS yakni yang ditemui dalam ujaran (10) dibawah adalah melakukan penjelasan lanjut makna yang pada awalnya diterangkan dalam bahasa Arab dengan lebih jelas dan terang, yakni dalam bentuk kesimpulan. Dalam hal ini, penyampai mengandaikan maklumat konseptual yang paling relevan yang diproses oleh pendengar merupakan maklumat yang disampaikan dalam segmen kedua:

(10)“Kalau pemerintah suruh kita buat benda yang harus nak jadilah taatnya wajib berdasarkan ayat dan hadis tadi wallamma hal latsmukha lafathu saya tidak halal menyalahinya **yakni haram**”

Forum 2: Takut Allah Atau Takut Covid-19

Berdasarkan analisis data yang diperolehi dari forum *Takut Allah atau Takut COVID-19*, sebanyak lima penanda wacana PS telah ditemui, iaitu *yakni*, *maknanya*, *ertinya*, *iaitu* dan *maksudnya*. Penanda PS *yakni* adalah paling kerap ditemui, iaitu dalam tiga ujaran. Manakala penanda-penanda wacana lain, *maknanya*, *ertinya*, *iaitu* dan *maksudnya* hanya ditemui dalam satu ujaran sahaja.

PS Yakni

Dalam kesemua ujaran yang ditemui, PS *yakni* telah menjalankan fungsinya sebagai penjelas kepada ujaran yang telah dinyatakan sebelumnya. Dalam hal ini, maksud yang dijelaskan oleh penyampai dalam segmen pertama merupakan hal yang serius, yakni menyentuh soal hukum dan agama Islam. Justeru penyampai harus memberikan penjelasan lanjut yang sewajarnya bagi mengelakkan kekeliruan dan salah faham oleh pendengar.

- (1) “Daripada yang luar masuk ke negeri tersebut atau daripada negeri tersebut keluar daripada negeri tersebut **yakni** yang dipanggil sebagai kuarantin”
- (2) “Hukum sebat ini bukan hukum biasa dan apabila kita telah mengikut maka, akan berlaku namanya hukum mush’ab **yakni** Allah yang menjadikan sebab bila Allah menjadikan sebab ketika itu perkara-perkara yang luar biasa dengan izin Allah berlaku”
- (3) “Hadis yang diriwayatkan oleh Abd Rahman bin Auf menyatakan bila berlaku sesuatu tempat itu taun maka jangan kamu masuk **yakni** jangan kamu keluar”

Dalam data (1), penanda wacana tersebut melakukan penjelasan terhadap perkara yang dinyatakan pada bahagian awal dan memperincikannya maksudnya pada segmen yang kedua iaitu dengan memberikan maksud yang dirujuk pada segmen yang pertama secara spesifik (kuarantin). Manakala ujaran (2) dan (3) pula menunjukkan berlakunya penjelasan implikatur kerana maksud yang disampaikan dalam segmen pertama kedua-dua ujaran tersebut adalah tersirat, dan memerlukan penjelasan lanjut. Dalam aspek teori Relevan, penyampai telah dilihat berjaya menggabungkan dua maklumat yang diperlukan dalam pemprosesan makna berdasarkan TR iaitu, maklumat kontekstual dan maklumat ensiklopedia (pengetahuan sedia ada yang dimiliki oleh pendengar) (Sperber & Wilson, 1986) Sesuatu input itu hanya boleh dianggap relevan seandainya ia mampu dihubungkan dengan input yang sedia ada dan mampu menghasilkan suatu kesimpulan oleh pendengar. Sekiranya terjadi, ujaran itu dikatakan mempunyai kesan kognitif positif (Sperber & Wilson, 1986).

PS Maknanya

Fungsi yang dijalankan oleh PS *maknanya* dalam data yang ditemui ialah terjemahan sebuah hadis yang disampaikan dalam bahasa Arab:

(4) “Bagaimana Rasulullah SAW menyatakan

مَنْ أَكَلَ مِنْ هَذِهِ الشَّجَرَةِ - يَغْنِي الثُّومَ - فَلَا يَفْرَبَنَّ مَسْجِدَنَا

maknanya jikalau seseorang itu makan bawang, bawang putih ataupun bawang yang berbau maka dan jangan datang tempat sembahyang kami”

Data (4) diatas menunjukkan penyampai melakukan terjemahan terhadap ujaran (hadis) yang telah disampaikan dalam bahasa Arab bagi membolehkan pendengar memahami maksud yang disampaikan dengan jelas. Berdasarkan teori Relevan, tindakan ini dianggap suatu yang tindakan yang wajar, kerana usaha yang dilakukan oleh penyampai, iaitu menterjemah maksud ke dalam bahasa yang difahami pendengar, telah memberikan hasil yang dijangka, iaitu kefahaman yang lebih jelas (Murillo, 2004).

PS Ertinya

Fungsi yang ditunjukkan oleh PS *ertinya* dalam ujaran ini ialah penjelasan makna, iaitu makna kesimpulan. Maksud yang disampaikan dalam segmen kedua adalah kesimpulan, yakni konsekuen dari makna yang disampaikan dalam segmen pertama:

(5) “Dapatan kami menunjukkan bahawa seperti Pfizer seperti Astrazeneca dan beberapa lagi itu ia selamat daripada unsur najis daripada apa yang dikatakan dan dia bukan dibuat dari itu *ertinya* dia (vaksin) sifatnya halal cara prosesannya adalah baik dan benar”

Proses PS ini adalah relevan kerana penyampai telah berjaya memberi kesan kognitif yang efektif terhadap proses pentafsiran makna oleh pendengar.

PS iaitu

Fungsi yang ditunjukkan dalam ujaran ini adalah fungsi terjemahan. Penyampai memilih PS *iaitu* sebagai mekanisme untuk menjelaskan maksud yang disampaikan dalam bahasa Arab dengan kaedah menterjemah ujaran yang disebut dalam bahasa yang difahami oleh semua pendengar sasaran, iaitu bahasa Melayu:

(6) الوقاية خير من العلاج

(*Alwiqayat khayr min aleilaj*)

iaitu kita menjaga diri kita jauh lebih baik daripada kita merawat selepas kita terkena penyakit”

PS maksudnya

Sepertimana PS *iaitu*, PS *maksudnya* turut menjalankan fungsi terjemahan. Penyampai memilih PS *iaitu* sebagai mekanisme untuk menjelaskan maksud yang disampaikan dalam bahasa Arab dengan kaedah menterjemah ujaran yang disebut dalam bahasa yang difahami oleh semua pendengar sasaran, iaitu bahasa Melayu:

(7) “Dr Sheikh Arrawi mengatakan

الرايو المرجوه ان كان معه مصلحه فتكون راجح

lebih kurang begitulah **maksudnya** pandangan yang marjuh lemah tak kala bersamanya ada masalah maka ia akan jadi kuat”

Forum 3: Saksama Bersama

Hanya terdapat dua PS yang ditemui dalam forum 3 (Saksama Bersama), iaitu PS *iaitu* dan *maksudnya*.

PS *iaitu*

Fungsi PS *iaitu* yang ditemui dalam ujaran ini ialah perincian makna.

(1) “Satu kajian yang ingin saya kongsi kepada Ustaz Nabil dan seluruh penonton ini adalah fakta antara kelebihan wanita **iaitu** menurut kajian di universiti remous route dan mendapati wanita dapat mengingat 18 gambar mengikut urutan yang betul”

Dalam data (1) penyampai memperincikan maklumat yang tidak disebut dalam segmen pertama iaitu mengenai maksud frasa *kelebihan wanita*.

PS *Maksudnya*

Fungsi yang telah dimainkan oleh PS *maksudnya* dalam data-data berikut ialah fungsi penjelasan atau perincian makna:

(2) “Wanita ini dia adalah satu umpama tulang rusuk yang bengkok **maksudnya** Nabi Muhammad SAW nak bagitahu pada kita “wahai para lelaki ingatlah wanita ini sehebat manapun dia kalau kita kata secerdas manapun sehebat manapun jawatan yang dipegangnya tetapi ia akan ada satu titik yang mana mungkin di situlah titik kelemahan”

(3) “Nabi bagitahu *orang yang paling sempurna imannya adalah orang yang paling baik akhlaknya* **maksudnya** Nabi nak bagitahu Islam ni datang untuk mengajar kita berakhlak macam mana kita nak interaksi dengan manusia yang pelbagai golongan yang lelaki wanita jiran yang islam yang bukan islam pemerintah dan rakyat marhaen dan semualah”

Dalam ujaran satu penyampai telah melakukan penjelasan makna implikatur, iaitu makna implisit yang disampaikan dalam bentuk perumpamaan. Penjelasan yang dilakukan adalah berdasarkan apa yang terkandung dalam ajaran agama Islam. Bagi penganut agama Islam di negara ini, ungkapan ini sering didengar, oleh itu, penjelasan yang dilakukan oleh penyampai telah menambahkan lagi kefahaman pendengar. Manakala dalam ujaran kedua, penyampai telah melakukan penjelasan maksud terhadap ujaran yang disampaikan dalam segmen pertama, iaitu frasa *orang yang paling sempurna imannya adalah orang yang paling baik akhlaknya*. Penjelasan maksud dilakukan dengan bahasa yang lebih mudah dan senang difahami oleh pendengar. Dalam segmen kedua, berlaku pengembangan makna, kerana penyampai telah melakukan penjelasan yang lebih lanjut dan lebih mendalam terhadap ujaran dalam segmen pertama. Tindakan ini, menurut TR merupakan usaha yang dapat memberi ransangan kognitif yang efektif kepada pendengar (Blakemore, 1993).

Forum 4: Bukan Cinta Biasa

Hanya dua penanda wacana sahaja ditemui dalam forum ke empat yang dianalisis, *iaitu PS iaitu* dalam dua ujaran dan *PS maksudnya* dalam empat ujaran:

PS Iaitu

- (1) “Mengimbau kembali tentang *detik yang berlangsung pada tahun 2018 dulu iaitu detik ketika saya menerima anugerah cancellor*”
- (2) “Satu-satunya perkara yang boleh membenamkan ihsan kita itu adalah *dua benda iaitu yang disebut jabbarah dan satu lagi aksiah ataupun jabbarah syaqiah*”

Dalam ujaran (1) *PS iaitu* memperincikan identifikasi maklumat yang dinyatakan secara tidak jelas dalam segmen pertama, iaitu identifikasi frasa *detik yang berlangsung pada tahun 2018 dulu*. Seterusnya, dalam ujaran (2) fungsi yang dijalankan oleh *PS iaitu* ialah melakukan perincian maksud terhadap kandungan maksud yang dinyatakan secara penomboran dalam segmen pertama, iaitu frasa *dua benda*.

Ps Maksudnya

Terdapat dua fungsi utama *PS maksudnya* yang ditunjukkan dalam data yang ditemui, iaitu terjemahan makna asing dan penjelasan makna kesimpulan:

- (3) “Maqasib *maksudnya* tujuan untuk melakukan kebaikan kebajikan kepada ibu bapa”
- (4) “Ada satu hadis dalam riwayat iman muslim Nabi SAW

رَغِمَ أَنْفٌ ثُمَّ رَغِمَ أَنْفٌ ثُمَّ رَغِمَ أَنْفٌ

maksudnya alangkah hinanya, alangkah hinanya”

- (5) “Jangan sampai bila masa aku dah mati satu hari nanti masa tu kalau kau menangis air mata darah sekalipun aku takkan bangkit balik *maksudnya* kalau kita nak jaga hargai mak ayah kita selagi mana mereka masih hidup”

(6) “Perkataan

وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا

disebut dalam al quran 6 kali, 5 kali itu dirujuk kepada ibu dan ayah **maksudnya** kita perlu melakukan kebaikan dan ihsanah ini lebih tinggi nilainya daripada adil”

Dalam Ujaran (3) dan (4) penyampai melakukan terjemahan terhadap maksud ayat yang dinyatakan dalam bahasa Arab dalam segmen pertama. Manakala dalam data (5) dan (6) pula, penyampai PS menjelaskan dengan lebih mendalam tentang maksud ayat al-quran yang diujarkan, yakni dalam bentuk kesimpulan agar dapat difahami dengan lebih jelas kepada pendengar.

KESIMPULAN

Dapatan yang diperoleh menunjukkan bahawa PSP telah memainkan fungsi yang amat penting dalam memastikan pembinaan wacana yang utuh. Data menunjukkan bahawa penanda wacana PS yang digunakan adalah pelbagai jenis, yakni *iaitu, yakni, maksudnya, ertinya, maknanya*. Kesemua penanda PSP ini menjalankan fungsi yang tersendiri. Kepentingan penanda PSP sebagai alat binaan wacana dapat dilihat berdasarkan kepelbagaian fungsi yang telah ditunjukkan, begitu juga variasi komponen serta elemen makna yang terlibat. Berdasarkan data yang diperoleh, elemen dan kategori makna yang ditemui dalam proses PS adalah meluas dan tiada had kategori tertentu. Sehubungan ini, penanda wacana PS telah menjalankan fungsinya melalui proses PS terhadap pelbagai kelas kata seperti frasa nama, frasa nama bilangan, kata dan ungkapan khusus dari bahasa asing (Arab), bahasa kiasan (metafora) dan pelbagai gugusan ayat. Sepertimana fokus kajian, elemen makna yang ditemui menyentuh bidang dan lapangan yang berkaitan isu keagamaan.

Selain itu, dapatan turut menunjukkan bahawa, kesemua penanda PSP yang ditemui telah menjalankan perannya sebagai PSP dengan ‘sempurna’, iaitu dengan menghasilkan padanan makna yang berdasarkan prinsip kesamaan antara dua segmen yang dihubungkan (Casado Velarde 1991, Garcés Gómez, 2008). Fungsi ini dibuktikan melalui proses asas yang dijalankan oleh kesemua penanda wacana PSP yang ditemui iaitu menjelaskan dan menerangkan makna yang tidak jelas, yang terdapat pada segmen yang pertama, yakni berdasarkan prinsip kesamaan semantik antara dua segmen yang terlibat. Dari segi kemampuan penanda PSP dalam menjelaskan makna pula, kesemua penanda PSP yang ditemui telah menjelaskan makna samada secara eksplisit (tersurat) dan implisit (tersirat). Sehubungan ini, kesemua penanda PS yang ditemui telah membantu pemprosesan makna, samada secara tersurat mahupun yang melibatkan proses inferensi, iaitu proses mentafsirkan makna implikasi, yakni yang bersifat kesimpulan. Seperti yang dijelaskan oleh Gülich dan Kotschi (1983) kesamaan makna yang ditunjukkan dalam proses PSP adalah tidak sama, yakni berbeza-beza, sama ada tinggi atau rendah, bergantung pada jenis proses yang dihasilkan. Sekiranya perbezaan makna adalah rendah, dan nilai persamaan semantik adalah tinggi, maka tinggilah nilai proses PSP yang dihasilkan.

Sehubungan ini, proses pernyataan semula yang menunjukkan kesamaan makna yang paling tinggi ialah yang melibatkan perincian maksud dan identifikasi elemen rujukan. Dalam proses perincian maksud dan identifikasi elemen rujukan, kandungan makna yang dijelaskan dalam

segmen yang kedua, ialah ‘maklumat tambahan’ yang diperoleh daripada kandungan rujukan makna pada segmen yang pertama. Justeru, makna yang wujud dalam kedua-dua segmen yang dihubungkan adalah terdiri daripada rujukan yang ‘sama’, yakni berdasarkan proses kesetaraan makna antara dua segmen wacana. Manakala, dalam proses yang lain, iaitu proses penjelasan semula makna, persamaan semantik yang ditunjukkan oleh kedua-dua segmen yang dihubungkan adalah lebih rendah berbanding dengan proses perincian maksud. Hal ini demikian kerana makna yang ditunjukkan oleh kedua-dua segmen tidak lagi ‘benar-benar sama’. Sehubungan itu, dalam proses penjelasan makna, kandungan makna yang disampaikan dalam segmen yang kedua bukan lagi bersifat ‘pemadanan identiti’, tetapi lebih dibentuk oleh proses inferensi, yakni yang menunjukkan pandangan dan pemikiran yang melibatkan pertimbangan dan logik akal penulis. Justeru, maklumat yang terdapat dalam kedua-dua segmen yang dihubungkan bukan lagi seratus peratus sama. Dalam data yang diperoleh, proses inferensi yang terlibat dalam proses penjelasan maksud ialah proses kesimpulan.

Akhir sekali, dari sudut kerelevanan penanda PSP *iaitu* sebagai penanda wacana, penanda PSP *iaitu* adalah relevan berdasarkan fungsi-fungsi yang telah dijalankan. Sehubungan dengan itu, penanda pernyataan semula parafrasa telah membantu dalam proses inferensi peserta komunikasi melalui fungsi-fungsi yang dijalankan seperti mengemukakan elemen rujukan makna, menghasilkan pengayaan makna dan konteks, melalui maklumat-maklumat yang disediakan, serta menghilangkan kekaburan makna, atau ambiguiti dalam komunikasi. Dapatlah disimpulkan bahawa proses pernyataan semula parafrasa mempunyai peranan yang amat penting dalam pelbagai proses intepretasi makna. Justeru, jelaslah bahawa peranan *iaitu* sebagai penanda pernyataan semula adalah amat signifikan dalam pembangunan wacana yang mantap dan berkesan.

RUJUKAN

- Alipour, M. 2019. A Corpus-Based Study of Reformulation Markers: The Case of Native versus Non-Native Research Articles. *Ethical Lingua: Journal of Language Teaching and Literature*, 6 (2), 129-148.
- Antos, G .1982. *Grundlagen einer Theorie des Formulierens. Textherstellung in geschriebener und gesprochener Sprache*. Tübingen: Niemeyer
- Asmah Haji Omar. 1980. Analisis Wacana (Bahagian Pertama) *Jurnal Dewan Bahasa*. 24 (3), 11-25.
- Asmah Haji Omar. 1987. *Bahasa Malaysia Saintifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2000. *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. 2009. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Martorell, Carme Bach. 1996. Reformular: ¿una operación argumentativa aséptica? Estudio del conector de reformulación parafrástica és a dir. *Sendebars*. 7, 255-271.
- Blakemore, Diane .1993. The relevance of reformulations. *Language and Literature*, 2 (2), 101-120.
- Blakemore, Diane. 1987. *Semantic constraints on relevance*. Oxford: Blackwell.
- Blakemore, Diane. 1996. ¿Are apposition markers discourse markers? *Journal of Linguistics*. 32, 325-347.

- Broisson, Z., & Degand, L. 2022. How egocentric is discourse marker use? Investigating the impact of speaker orientation and cognitive load on discourse marker production. *Discourse Markers in Interaction: From Production to Comprehension*, 376, 121.
- Casado Velarde, Manuel. 1991. Los operadores discursivos *es decir, esto es, o sea y a saber* en español actual: valores de lengua y funciones textuales. *Lingüística Española Actual*, XIII, 1, 87-116.
- Fernández Bernárdez, Cristina. 2000. *Quiero decir* como marcador de reformulación. *RILCE*. 16 (2), 263-288.
- Figueras, Carolina. 1999. Diferencias en el comportamiento discursivo de los marcadores reformuladores explicativos en español, dalam *Nuevas perspectivas en la enseñanza del español como lengua extranjera. Actas del X Congreso Internacional de ASELE*. 257-270.
- Fuentes Rodríguez, Catalina. 1987. *Enlaces extraoracionales*. Sevilla: Alfar.
- Garcés Gómez, María Pilar. 2006. Las operaciones de reformulación. *Actas del XXXV Simposio Internacional de la Sociedad Española de Lingüística*. 654-672.
- Garcés Gómez, María Pilar. 2008. *La organización del discurso: marcadores de ordenación y de reformulación*. Madrid: Lingüística iberoamericana.
- Gülich, Elisabeth & Kotschi, Thomas. 1983. Les marqueurs de la reformulation paraphrastique. *Cahiers de Linguistique française*. 5, 305-346.
- Gülich, Elisabeth & Kotschi, Thomas. 1995. Discourse Production in Oral Communication. A Study Based on French, dalam Uta M. Quasthoff (ed.), *Aspects of Oral Communication*. Berlin: De Gruyter, 30-66.
- Halliday, Michael A. K. & Hasan, Ruqaiya. 1976. *Cohesion in English*. Londres: Longman.
- Koch, C., & Thörle, B. 2021. Metadiscursive Activities in Oral Discourse Production in L2 French: A Study on Learner Profiles. *Corpus Pragmatics*, 5(1), 153-186
- Iliaria Florentini & Andrea Sanso. 2017. Reformulation markers and their functions: Two case studies from Italian. *Journal of Pragmatics*. 120, 54-72
- Martín Zorraquino, María Antonia. 1998. Los marcadores del discurso desde el punto de vista gramatical, dalam M. A. Martín Zorraquino y E. Montolío Durán (coords.), *Los marcadores del discurso. Teoría y análisis*. Madrid: Arco / Libros, 19-53.
- Mederos Martín, Humberto. 1988. *Procedimientos de cohesión en el español actual*. Santa Cruz de Tenerife: Cabildo Insular de Tenerife.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. 2013. Penanda wacana Melayu lama dalam teks berunsur sejarah. *Jurnal Bahasa*. 13, 243-258.
- Moliner, María. 1966. *Diccionario de uso del español*. Madrid: Gredos, 2 vols. (1.^a ed.).
- Murillo, Silvia. 2004. A relevance reassessment of reformulation markers. *Journal of Pragmatics*, 36(11), 2059-2068
- Norhayati Alias. 2019. Analisis Perbandingan Penanda Wacana Pernyataan Semula Bahasa Melayu *Iaitu* dan Bahasa Sepanyol *Esto es*. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 19 (4), 363-378.
- Pons Bordería, Salvador. 2001. Connectives / Discourse markers. An overview. *Quaderns de Filologia. Estudis Literaris*. VI, 219-243.
- Pons Bordería, Salvador & Kerstin Fischer. 2021. Using discourse segmentation to account for the polyfunctionality of discourse markers: The case of well. *Journal of Pragmatics*, 173, 101-118.
- Portolés Lázaro, José. 1999. *El origen de los marcadores y la deixis discursiva*, dalam P. Carbonero Cano, M. Casado Velarde dan P. Gómez Manzano (coords.), *Lengua y discurso: estudios dedicados al profesor Vidal Lamíquiz*. Madrid: Arco / Libros.

- Portolés Lázaro, José. 2001. *Marcadores del discurso*. Barcelona: Ariel (2.^a ed.).
- Rossari, Corinne. 1990. Projet pour une typologie des opérations de reformulation. *Cahiers de Linguistique Française*, 11, 345-359
- Rossari, Corinne . 1994. Les opérations de reformulation. Berna: Peter Lang
- Rossari, Corinne . 1997. Les opérations de reformulation. Berna: Peter Lang
- Roulet, Eddy. 1985. *L'articulation du discours dans le français contemporain*. Berna: Peter Lang.
- Roulet, Eddy. 1986. Complétude interactive et mouvements discursifs. *Cahiers de Linguistique Française*. 7, 193-210.
- Roulet, Eddy. 1987. Complétude interactive et connecteurs reformulatifs. *Cahiers de Linguistique Française*. 8, 111-140.
- Sperber, Dan & Wilson, Deirdre .1986. *Relevance: Communication and Cognition*. Cambridge:
- Sperber, Dan & Wilson, Deirdre. 1995. *Postface to the second edition of Relevance: Communication and Cognition*. Oxford: Blackwell.
- Sperber, Dan & Wilson, Deirdre. 2004. La teoría de la relevancia. *Revista de Investigación Lingüística*. VII, 237-286

Biodata penulis

Norhayati Alias (Phd) merupakan guru bahasa Sepanyol di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Bidang pengkhususan beliau adalah bahasa Sepanyol dan analisis wacana (Melayu dan Sepanyol)

Alia Hazwani binti Hamidon merupakan bekas pelajar Program Linguistik di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.